



**BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2013**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan:**

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Jawapan bagi **Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4** berdasarkan teks *Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5*.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
5. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Kertas ini mengandungi **10** halaman bercetak

**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang kriteria yang perlu ada pada seorang pekerja k-ekonomi dan kesannya kepada negara. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Modal insan merupakan *tunjang utama* dalam pembangunan ekonomi di sesebuah negara. Jumlah tenaga kerja mahir di Malaysia pada tahun 2009 ialah 28% daripada jumlah keseluruhan, iaitu 9.8% di bawah purata yang diperakukan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD). Usaha kerajaan untuk menyemarakkan ekonomi berasaskan pengetahuan atau k-ekonomi dimulakan oleh kerajaan sejak lebih 10 tahun yang lalu dengan melahirkan modal insan yang berpengetahuan tinggi dan memenuhi kriteria pekerja k-ekonomi. Sejumlah RM200 juta diperuntukkan dalam bentuk latihan sambil di Kolej Komuniti, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Pusat Giat MARA dan Institut Latihan Perindustrian (ILP). Seorang pekerja k-ekonomi perlu memiliki pengetahuan kandungan yang banyak dan mendalam merentasi disiplin ilmu dan sektor kehidupan. Oleh sebab itu, RM 100 juta diperuntukkan oleh Kementerian Sumber Manusia untuk membolehkan pekerja meningkatkan kemahiran dalam bidang teknikal.

Tenaga kerja k-ekonomi hendaklah menguasai pelbagai jenis pemikiran, terutamanya pemikiran kritikal, analitikal dan kreatif kerana seorang pekerja k-ekonomi sentiasa berfikir. Selain itu, usaha juga dilakukan dengan memanggil pulang rakyat Malaysia yang berkecualan dan memiliki kemahiran supaya pulang berkhidmat di negara sendiri. Bagi meningkatkan jumlah pekerja berkemahiran tinggi, kerajaan juga telah menarik pekerja asing yang cemerlang dan berpengalaman luas untuk berkhidmat di Malaysia dengan menawarkan pendapatan yang lumayan.

Pekerja k-ekonomi bukan sahaja seorang yang tekun, tetapi juga sentiasa ingin tahu. Mereka juga perlu mengamalkan prinsip pembelajaran sepanjang hidup kerana ukuran bagi seseorang pekerja yang berpengetahuan tinggi bukan hanya gaji yang kompetitif, tetapi kebolehan yang kompetitif. Mereka perlu sentiasa bersedia untuk menjadi sumber rujukan kepada rakan sekerja atau pihak lain yang berkepentingan, umpamanya dalam melaksanakan program pengembangan minda dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Keberanian untuk sentiasa mencuba dan menghadapi risiko menghadapi kegagalan merupakan elemen penting dalam dunia pekerjaan. Oleh itu, amat penting bagi setiap pekerja k-ekonomi mempunyai semangat keusahawanan yang tulen dengan menunjukkan keghairahan untuk berubah, keberanian menghadapi risiko dan bersedia menerima kegagalan. Perkongsian maklumat, pengetahuan, kepakaran dan pengalaman amat penting dalam sesebuah organisasi. Pekerja k-ekonomi hendaklah sentiasa bersedia dan berkemahiran untuk bekerja secara berkumpulan untuk membantu rakan sekerja menyelesaikan sebarang masalah, membuat keputusan dan perancangan strategik. Kemahiran ini perlulah mendalam dan mencakupi pelbagai aspek. Sumber manusia yang kreatif dan inovatif amat penting dalam

pengurusan ilmu pengetahuan dan harta intelektual yang efisien. Mereka perlu aktif membuat ciptaan baru dan menambah baik ciptaan sedia ada kerana aktiviti ini dianggap sebagai sumber untuk menghasilkan kelebihan kompetitif dalam k-ekonomi.

Seseorang pekerja k-ekonomi harus mempunyai kompetensi di tempat kerja, iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, serta kemahiran teknologi komunikasi dan maklumat. Kemahiran tersebut semakin penting dan menjadi pelengkap kepada keperluan asas bagi seseorang pekerja, iaitu pengetahuan kandungan dan kemahiran teknikal. Pekerja k-ekonomi juga harus menghayati nilai integriti yang tinggi dan kesetiaan terhadap organisasi atau syarikat agar pengetahuan dan kemahiran mereka dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Komitmen semua pihak amat penting untuk menjayakan usaha melahirkan pekerja k-ekonomi yang kreatif dan inovatif agar mampu mencorakkan pembangunan ekonomi negara yang lebih berdaya saing.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
“Modal Insan untuk K-Ekonomi”  
oleh Ramlan Abd. Wahab,  
*Dewan Ekonomi*, Jun 2011)

## Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *tunjang utama*? [2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk melahirkan pekerja k-ekonomi.  
Nyatakan usaha-usaha tersebut. [3 markah]
- (iii) Jelaskan pendapat anda tentang **dua** peranan pihak swasta untuk melahirkan pekerja k-ekonomi yang kompetitif. [4 markah]

**Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Abang tak mahu pergi kebun? Apa kata abang pergi sebelum abang jadi ahli korporat nanti,” kata Mikraj.

“Tak perlu!” Israk menghayun kata-kata.

“Mengapa? Abang takut nyamuk? Agas? Atau seram dengan nyanyian cengkerik? Mengapa abang terlalu berlagak akhir-akhir ini?” Suara Mikraj semakin lama semakin meninggi.

Israk menarik nafas dalam-dalam, dan berkata, “Mengapa kau terlalu menjaga tepi kain orang?”

“Saya kasihan melihat Wah. Abang menghina, mengeji, menyakiti Wah. Paha kanan dicubit paha kiri akan terasa sakitnya. Abang sedar tak, Wah lebih tua daripada abang!”

“Aku cukup pantang kalau diherdik oleh budak kecil!”

“Saya ajak ma dan pa bawa abang balik kampung semata-mata mahu abang mengenali Wah yang membela abang sejak berusia satu hari lagi. Abang tahu, Wah benar-benar terhisir sewaktu *atuk* ‘*atuk*’ bawa abang lari. Sejak itu abang langsung tak mengenali Wah. Saya mahu abang belajar erti kepayahan, kekecewaan, dan ketabahan seorang wanita. Wah orangnya...,” butir bicara Mikraj diiringi mutiara mata.

(Dipetik daripada cerpen ‘Israk’  
oleh Erda Roslan Khairi  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Mengapakah Mikraj bertelingkah dengan abangnya, Israk? [2 markah]

(ii) Sesetengah ibu bapa menghantar anak-anak mereka pulang ke rumah datuk dan nenek di kampung pada musim cuti persekolahan.

Pada pendapat anda, adakah tindakan tersebut wajar? Berikan alasan untuk menyokong pendapat anda.

[3 markah]

(iii) Huraikan satu perwatakan Mikraj berdasarkan petikan dan satu perwatakan Mikraj berdasarkan keseluruhan cerpen.

[4 markah]

**Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Akan kata segala dagang dari Petani memandang gurap sangat hairan; dari zaman datuk nenek baharu memandang serupa ini. Akan kata dagang Tandang Halidar, “Inikah gerangan dikatakan kota?”

Beredar segala Cina yang makan madat hairan tercengang-cengang tiada sedar gurap andalan berkemala dipandang malam. Tanglung di atas tiang bernyala serta sampai siang harinya. Di Pulau Berhala malamnya itu gurap masuk ke kuala.

Maka sekalian kelengkapan kenaikan penjajap pun mustaidlah sudah. Maka belayarliah ke negeri Siak. Serta sampai di dalam sungai, lalu mudiklah sekalian kelengkapan angkatan penjajap itu.

Maka terkejutlah orang Siak. Maka isinya bedil Laila Majnun tiada mahu berbunyi. Maka *masuk alamat* kepada kadi, Laila Majnun mohon kepada Raja Siak; ia hendak mohon kembali, dipasang ia tiada tala, takut derhaka ke bawah duli, kepada Datuk Demang disuruh pasang seperti aur ditarik songsang, sungguhpun kawan dalam makan perangsang, dan seperti ayam takutkan musang.

(Dipetik daripada ‘Hikayat Opu Daeng Menambun’  
dalam antologi *Digahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *masuk alamat*? [2 markah]
- (ii) Bagaimanakah reaksi orang-orang dagang apabila terpandangan gurap? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang wajar dilakukan bagi mengelakkan negara dicerobohi oleh musuh? [3 markah]

**Soalan 2 (d) – Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Dirgahayu Bahasaku**

Tempatmu di singgahsana  
hati nurani bangsaku  
warga yang berbudi  
setia dan amanah.

Bahasa itu maruah bangsa  
yang mesti dipelihara martabatnya  
agar tetap kukuh dan ampuh  
melayari lautan bijaksana  
salam ikatan mesra dan teguh.

Cekal dan waja semangat pejuangku  
hak bangsaku memilikimu  
hak bangsaku mendaulatkanmu  
di bumi bertuah ini  
merentas dunia tak bertepi.

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan  
ke barat dan ke timur menjalin persaudaraan  
gagah pelautku membelah lautan  
ke utara dan ke selatan bahasaku mencengkam  
dari pulau ke pulau menggilap mutiara silam

Dirgahayu bahasaku  
di arena antarabangsa suaramu tumbuh  
menusuk kalbu lagu bahasamu  
bahasamu bahasa minda  
mudah akrab dan bertatasusila  
daripada bangsa yang bernama Melayu  
menempa kejayaan di alaf baru

(September 2000)

**Ahmad Sarju**

Manuskrip Luka Bangsa 2006  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Sejarah bangsa telah mencatatkan pelbagai kegemilangan dalam rangkap keempat. Nyatakan **tiga** kegemilangan tersebut. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah bahasa Melayu boleh dimartabatkan di persada antarabangsa? [3 markah]
- (iii) Huraikan **tiga** nilai yang diperoleh dalam sajak tersebut. [3 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambah imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

- (i) mengupas – mengelupas  
(ii) bercanggah – berceranggah  
(iii) menjajah – menjelajah

[6 markah]

- (b) *Bina satu ayat berdasarkan pola ayat dasar di bawah.*

- (i) FN + FK  
(ii) FN + FA  
(iii) FN + FS

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Syahril mudah mendapat pekerjaan di syarikat yang bernama itu kerana dia boleh bertutur dalam dwi bahasa.
- (ii) Dia melemparkan perasaan was-was terhadap pegawai baharu itu jauh-jauh setelah pegawai itu membuktikan kesungguhannya untuk membangun dan memajukan syarikat.
- (iii) Petani moden itu menghadkan penggunaan racun serangga perosak terhadap tanam-tanamannya demi kelestarian alam semulajadi.

[6 markah]



- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Walaupun ada label halal yang dicap di pembalut coklat itu, dia tetap tidak membelinya kerana berasa curiga.
  - (ii) Saya sering menziarahi nenek kerana jauh antara rumah saya dan rumahnya kira-kira 500 meter sahaja.
  - (iii) Rakyat jelata mematuhi titah perintah Sultan Abdul Fatah untuk mereka bersiaga siaga untuk menghadapi peperangan.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian senaraikan peribahasa atau kata-kata hikmat yang sesuai untuk diisikan pada tempat kosong.*

Setiap kali pulang ke kampung, Encik Johan akan melalui jalan yang berliku-liku seperti ..... Walaupun dia sudah biasa melalui jalan itu, namun ..... kerana pada suatu hari dia terbabas lalu terlanggar pembahagi jalan di selekoh yang amat tajam. Sejak itu, dia begitu berhati-hati ketika melalui jalan itu kerana .....

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Papa... (akhirnya kau tewas jua!) karya Deanna Yusof
  - (ii) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
  - (iii) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
  - (iv) Renyah karya Gunawan Mahmood
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
  - (vii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
  - (viii) Sutera dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (a) Unsur saspens dalam sesebuah novel dikemukakan oleh pengarang untuk menimbulkan minat dalam diri pembaca agar menyudahkan pembacaan mereka.
- Berdasarkan **sebuah** novel yang anda kaji, huraikan **dua** peristiwa yang menunjukkan unsur saspens dalam novel tersebut.
- [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** perwatakan watak sampingan yang dipaparkan dalam setiap novel tersebut.
- [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**